

17 OCT 1998

Ling-Pelabuhan

DR MAHATHIR BERDIALOG DENGAN PENGGUNA PELABUHAN TEMPATAN PADA 31 OKT

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusikan satu dialog dengan pengguna-pengguna pelabuhan tempatan pada 31 Okt mengenai pentingnya menggunakan pelabuhan tempatan terutama Pelabuhan Klang bagi membantu merangsangkan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata dialog itu melibatkan wakil-wakil penghantar fret, pengangkut barangan, pengimport, pengeksport dan lain-lain yang terbabit dalam industri pengangkutan.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Serbaguna Malaysia (KSM) di bangunan MCA di sini, beliau berkata Malaysia kerugian antara RM3 dan RM5 bilion setahun ekoran pengimport dan pengeksport Malaysia menggunakan pelabuhan Singapura.

Katanya sokongan mereka diperlukan untuk membetulkan situasi itu dengan membantu kerajaan mempromosikan Pelabuhan Klang sebagai pusat pemungghaan utama di rantau ini.

Ling berkata Pelabuhan Klang kini adalah pelabuhan yang paling efisien di rantau ini terutama dalam pengendalian kontena dan mempunyai ruang yang banyak untuk menempatkan kontena kosong.

Beliau berkata usaha untuk menjadikan semua pelabuhan tempatan sebagai pusat pemungghaan tidak sepatutnya menjadi tanggungjawab kementerian sahaja.

Mengenai KSM, beliau berkata koperasi itu telah mula memperolehi pendapatan bagi faedah anggotanya sejak diberikan nafas baru pada Julai tahun lepas selepas 11 tahun berada dalam tanggungan dan jawatankuasa khas.

Ling berkata bagi membantu KSM memperolehi pendapatan, kerajaan bersetuju meluluskan 100 lesen teksi Lembah Klang kepada koperasi itu.

-- BERNAMA

AKT RHM RON